

MULLIANYA

Si Anak Yatim

SETIAP ORANG MENGENGIMPIKAN LAHIR KE DUNIA INI DALAM KEADAAN YANG SEM-PURNA. KLASIFIKASI KESEMPURNAAN DI SINI ADALAH, LAHIR DENGAN MEMILIKI KE-DUA-DUA IBU BAPA. INI KERANA IBU BAPA MERUPAKAN EJEN YANG DIAMANAHKAN, UNTUK MENJAGA DAN MEMELIHARA ANAK-ANAK, SUPAYA MENJADI MANUSIA YANG BERIMAN KEPADA ALLAH S.W.T.

Tanggungjawab membentuk anak-anak ada dijelaskan dalam hadis nabi s.a.w. iaitu, *"Setiap anak yang lahir itu adalah dalam keadaan fitrah. Maka ibu bapalah yang bertindak menjadikan ia Yahudi atau Nasrani atau Majusi."* (HR Muslim dan Baihaqi)

Dan tidak ada seorang pun yang ingin dilahirkan, hanya ingin mempunyai ibu sahaja tanpa lelaki yang bergelar bapa, begitu juga sebaliknya. Seandainya berlaku keadaan yang sedemikian, maka lahirlah ia sebagai anak yatim, sebagaimana yang berlaku kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. yang dilahirkan tanpa bapa di sisi, dan dibesarkan tanpa ibu tersayang.

Soalnya, adakah anak yang tidak sah taraf ini turut dikategorikan sebagai anak yatim? Jika tidak, maka apa pula definisinya anak yatim? Dan sampai bilakah

kanak-kanak tersebut harus membawa gelaran anak yatim? Adakah hingga mencapai had umur, yang membolehkan mereka berdikari dan bekerja, atau juga apabila ibu yang berkahwin lagi maka, status anak yatim akan tergugur dengan sendirinya.

Menyambung perbincangan dari bab sebelumnya, Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar pensyarah dari Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyatakan, ulama mentakrifkan, istilah anak yatim adalah gelaran yang diberikan kepada kanak-kanak belum mencapai usia baligh, yang telah kematian bapa.

Para ulama juga sepakat menyatakan, hanya kanak-kanak yang kematian bapa sahaja layak menyandang gelaran anak yatim. Ini kerana bapa adalah merupakan orang yang mempunyai peranan yang cukup besar, dan diberi tanggungjawab berat menjaga keperluan anak dari pelbagai sudut, terutama makan minum dan tempat tinggal.

Bagi masyarakat Melayu, anak yatim ditakrifkan dengan anak yang kematian ibu atau bapanya. Akan tetapi jika keduanya turut meninggal dunia, maka istilah yang digunakan adalah anak yatim piatu.

Oleh itu, jika anak yang lahir hasil dari hubungan yang tidak sah, maka ia tidak dinamakan anak yatim sekalipun tiada berbapa.

Jelasnya lagi, penggunaan istilah anak yatim hanya termansuh apabila sampai usianya baligh dan mampu untuk berdikari, itu yang disepakati oleh ulama. Ini bermakna apabila dia mampu berdikari tetapi belum mencapai usia baligh, gelaran anak yatim tetap menjadi miliknya yang mutlak.

Tambahnya lagi, apabila ibu berkahwin lagi selepas kematian bapa, istilah anak yatim tidak akan gugur sekalipun dia memiliki bapa baru. Ini kerana di dalam istilah Arab, lelaki yang mengahwini ibunya dinamakan "zauju al um" iaitu suami bagi ibu, bukan dimaknakan dengan bapa tiri. Ini menjelaskan lagi, lelaki tersebut tidak mempunyai kaitan dengannya. Maka gelaran anak yatim termaktub untuknya, selagi mana dia belum baligh sekalipun mempunyai bapa tiri.

HANYA SEDEKAH

Jika kita lihat dewasa ini, sudah menjadi trend dalam masyarakat Islam di Malaysia, apabila tibanya bulan Ramadan, maka ramai yang akan berlumba-lumba untuk membantu anak yatim, bahkan hingga ke satu tahap, ada yang beranggapan anak yatim adalah golongan yang wajib dibantu, dan merupakan asnaf zakat. Dengan itu, maka ada juga yang hanya memberikan zakat terus kepada anak yatim, tanpa melalui amil yang dilantik.

Mengulas masalah ini, Dr. Wifaq menjelaskan, golongan anak yatim bukan-

lah termasuk dalam asnaf yang wajib menerima zakat, tetapi golongan yang berhak menerima sedekah. Di sini ulama turut menghadkan bantuan sedekah kepada anak yatim, sehingga mereka mencapai usia baligh dan boleh berdikari

Hanya jika anak yatim tersebut miskin, fakir, berhutang atau hamba, yang selayaknya untuk menerima bantuan zakat. Bagi anak yatim yang mempunyai harta, maka mereka golongan yang dikesualikan untuk menerima zakat.

Boleh memakan harta anak yatim dengan syarat, ia telah menguruskan harta anak tersebut dan dia adalah seorang yang miskin. Ini berdasarkan hadis dari Aisyah r.ha yang menyatakan mengenai firman Allah surah an-Nisa: 6, *"Barang siapa (di antara pemelihara itu yang mampu) maka hendaklah dia menahan diri dari memakan harta anak yatim) dan barang siapa yang miskin, maka bolehlah dia memakan harta itu menurut yang patut."* Aisyah berkata lagi, *"Diturunkan ayat ini berkenaan dengan wali anak yatim, ia boleh menggunakan dari wangnya bila memerlukan, kerana ia menguruskan dengan cara yang patut."*

Begitu juga dengan firman Allah dalam surah al-An'am ayat 152 bermaksud, *"Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya, sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri) dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil."*

Katanya lagi, meraikan dan menjaga hak anak yatim adalah satu perkara yang amat dititikberatkan dalam Islam. Ini dijelaskan dalam surah al-Maaun ayat 1 dan 2 bermaksud, *"Tahu kah engkau akan orang yang mendustakan agama? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim."*

Hakikatnya anak yatim adalah golongan yang lemah, dan sangat memerlukan kepada bantuan, sama ada dari sudut material mahupun belaian kasih sayang. Mereka ini sebenarnya menghadapi masalah psikologi, kerana kehilangan orang yang tersayang.

Apatah lagi apabila melihat rakan sebaya yang mempunyai ibu dan bapa, sebagai tempat bermanja, maka mereka rasa kekurangan dan terasing. Oleh kerana itulah Allah s.w.t. memberikan banyak kelebihan, kepada orang membantu dan berbuat baik kepada anak yatim. Dan Allah juga memberikan balasan seksa yang amat dahsyat, bagi mereka yang menganiaya anak yatim.

KELEBIHAN BERAMAL DENGAN ANAK YATIM

Menurut Dr. Wifaq lagi, terdapat banyak kelebihan bagi orang yang melakukan kebaikan kepada anak-anak yatim. Ini kerana anak yatim adalah golongan yang sangat memerlukan bantuan, sama ada dari segi material mahupun emosi.

Diriwayatkan daripada Sahl

“Tahu kah engkau akan orang yang mendustakan agama? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim”

bin Saad r.a katanya, Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda *"Aku dan orang yang memelihara anak yatim adalah di dalam syurga seperti ini." Sambil baginda menunjuk dengan kedua-dua jari telunjuk dan jari tengah (yang dirapatkannya), umpama rapatnya jari telunjuk dengan jari tengah, duduk bersama-sama Nabi di dalam syurga."* (HR Bukhari)

Selain itu menurut baginda s.a.w. *"Demi yang mengutus aku dengan hak, Allah s.w.t. tidak akan menyiksa orang yang mengasihi dan menyayangi anak yatim, berbicara kepadanya dengan lemah lembut dan mengasihi keyatiman serta kelemahannya..."* (HR at-Tabhrani)

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi, *"Sebaik-*

baik rumah kaum Muslimin ialah rumah yang ada anak yatim yang diasuh dengan baik dan sejahat-jahat rumah kaum Muslimin adalah rumah yang ada anak yatim yang selalu diganggu dan disakiti hatinya." (HR Ibnu Majah)

Baginda s.a.w. pernah bersabda, *"Jika seseorang itu berjumpa anak yatim, kemudian dengan hati yang ikhlas dia menyapu tangan pada kepala anak yatim, perbuatan itu sangat-sangat disukai Allah."*

Kesemua dalil ini menjelaskan kepada kita bahawa, mengasihi anak yatim adalah satu perkara yang disukai Allah. Hanya dengan perbuatan mengusap kepala dengan niat sahaja, sudah dimuliakan Allah, apalagi melindungi dan menjaga mereka.

Tegasnya lagi, selain dari kelebihan orang yang melakukan kebaikan kepada anak yatim, Allah s.w.t. turut mencela dan memberikan seksaan yang amat berat bagi mereka yang melakukan kezaliman kepada anak yatim. Antara dalil yang menunjukkan tentang kemurkaan Allah s.w.t. kepada anak yatim ialah surah an-Nisa ayat 10 bermaksud, *"Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim dengan cara yang tidak lurus, mereka akan memakan api sepenuh perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala."*

Dalam surah Adh-Dhuha: 9 Allah s.w.t. berfirman *"Ada pun terhadap anak yatim, maka janganlah kamu melakukan sewenang-wenangnyanya."*

Al-Hakim meriwayatkan, baginda s.a.w. bersabda, *"Allah berhak untuk tidak masukkan mereka ke dalam syurga dan tidak merasakan kenikmatannya. Mereka itu adalah peminum khamar pemakan riba, pemakan harta anak yatim tanpa hak dan penderhaka kepada kedua orang tuanya."*

Oleh itu bagi sesiapa yang diamanahkan untuk memelihara anak yatim, maka jagalah mereka dengan sebaiknya. Janganlah mereka dianiaya atau dizalimi, kerana mereka adalah insan yang sangat memerlukan sokongan dari segenap masyarakat atas kekurangan mereka. **A**